Analysis

[3755/1]
[3755/2]

Perdagangan

		2006		2007		2008		2009		2010	
Tajuk		K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2
1	Asas Kepada Perdagangan	3	1	3	1	3	1	5	1	6	1
2	Unsur Perdagangan	1	-	1	1		1	2	-	1	2
3	Perniagaan Dalam Negeri	4	1,2	3	2,6	5	2	3	2	6	2
4	Perniagaan Antarabangsa	5	2,6	-	6	2	3	1	3	5	3,6
5	Industri Kecil Dan Sederhana	3	2	4	6	2	3	2	3	3	6
6	Pemilikan Perniagaan	2	3	4	2	2	6	4	3	2	3
7	Pelaburan	5	3	1	3	3	4	2	6	1	3
8	Perbankan	2	-	4	3	5	4	3	4	1	4
9	Insurans	3	4	2	4	5	6	7	6	5	4,6
10	Pengangkutan	4	4,6	6	4	2	5	2	4	1	4
11	Komunikasi		6	3	5	2	6	1	5	2	4
12	Pergudangan	1	-	4	5	2	-	3	5	2	5,6
13	Promosi	3	5	2	6	1	5	2	-	2	5
14	Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan	1	-	2	-	2	6	2	5	2	5
15	Konsumerisme	3	5	1	5	4	5	4	6	1	5
	Jumlah	40		40		40		40		40	

K1 - bilangan soalan
K2 - no soalan

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

Perdagangan *Kertas 1* [3755/1]

1 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kehendak?
A Perlu dipenuhi untuk terus hidup
B Menjadikan manusia hidup selesa
C Boleh dibahagikan kepada tiga tahap
D Keinginan untuk disayangi oleh ahli masyarakat

2 Pernyataan manakah merupakan keperluan rohani menurut Hierarki Keperluan Maslow?
A Ahmad membeli makanan dan minuman di Restoran Enak
B Mun Li memberi hadiah hari jadi kepada adik bongsunya
C Raj memasang kamera litar tertutup di sekitar kawasan rumahnya
D Rossa menerima ijazah setelah menamatkan pengajian di universiti

3 Gambar berikut menunjukkan satu cabang aktiviti pengeluaran.

Apakah aktiviti pengeluaran tersebut?
A Ekstraktif
B Perkilangan
C Perdagangan
D Khidmat langsung

4 Pernyataan manakah yang menunjukkan berlakunya nilai faedah masa?
A Buah kelapa sawit dipindah dari ladang ke kilang untuk diproses
B Kayu getah diproses menjadi perabot
C Pakaian sekolah dijual pada akhir tahun
D Baju dipindah milik dari peruncit kepada pengguna

5 Pernyataan yang manakah merupakan kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran?
A Pekerja dapat menonjolkan daya kreativiti
B Pekerja dapat meningkatkan produktiviti
C Pekerja memperoleh pelbagai kemahiran
D Pekerja bangga dengan hasil kerja mereka

6 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor pengeluaran?
I Buruh
II Modal
III Insurans
IV Kerajaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan syarat dalam sistem barter?
I Kemahuan serentak
II Barang mestilah tahan lama
III Nilai pertukaran boleh ditentukan
IV Terdapat lebihan barang untuk ditukarkan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Rajah berikut menunjukkan bantuan perniagaan.



Apakah peranan X kepada peniaga?
A Menstabilkan harga barang
B Melindungi peniaga daripada risiko
C Mempelbagaikan pilihan pengguna
D Memudahkan kegiatan promosi

9 Pernyataan yang manakah menerangkan maksud perniagaan?
A Aktiviti penghasilan barang dari bahan mentah kepada barang siap
B Membeli dan menjual barangan untuk mendapatkan keuntungan
C Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna akhir
D Memindahkan barang dari kilang pengeluar ke gudang pemborong

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

10 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri perniagaan runcit besar-besaran.

- Mempunyai banyak cawangan di seluruh negara
- Dimiliki oleh pemilik yang sama
- Semua cawangan ditadbir oleh syarikat induk
- Nama dan logo perniagaan adalah selaras disemua cawangan

Apakah jenis perniagaan runcit tersebut?
A Francais
B Kedai sejaras
C Pasar raya besar
D Gedung Aneka Jabatan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemborong.

- Pemborong ini membeli dan menjual sekumpulan barang yang sama jenis dan berkaitan antara satu sama lain
- Contohnya pemborong hasil pertanian

Apakah jenis pemborong ini?
A Pemborong am
B Pemborong khusus
C Pemborong satu barisan
D Pemborong bayar dan bawa

12 Maklumat berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan.

Dokumen	Fungsi
X	Menuntut bayaran secara sopan daripada pembeli sebelum menghantar barang
Y	Ringkasan semua urus niaga yang berlaku antara penjual dan pembeli dalam tempoh sebulan

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Invois proforma	Penyata akaun
B	Penyata akaun	Invois proforma
C	Nota makluman	Penyata akaun
D	Invois proforma	Nota makluman

13 Apakah kelebihan jualan konsainan kepada konsainor?
A Tidak perlu mengeluarkan kos barang
B Dapat mempelbagaikan barang niaga
C Dapat meluaskan pasaran dengan melantik ajen
D Boleh memulangkan barang yang tidak habis dijual

14 Doktor dari Indonesia berkhidmat di Institut Jantung Negara. Apakah aktiviti perniagaan itu?
A Import nyata
B Eksport nyata
C Import tak nyata
D Eksport tak nyata

15 Maklumat berikut menerangkan sejenis dokumen perniagaan antarabangsa.

Dokumen yang dikeluarkan oleh negara pengimport sebagai kebenaran untuk pengeksport membawa masuk barang ke negaranya.

Apakah dokumen tersebut?
A Sijil asal usul
B Inden tertutup
C Invois eksport
D Invois konsular

16 Berikut adalah maklumat tentang jalinan utama Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan industri berat.

- Dikenali sebagai konsep payung
- IKS membekalkan barang siap dan separa siap kepada firma besar
- Mendapat bayaran segera sebagai pusingan modal

Apakah program tersebut?
A Subkontrak
B Pengaturan kontrak khas
C Pemasaran bersepadu
D Program Vendor

17 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan aspek pengurusan stok?
I Menyimpan stok dalam jumlah yang optimum
II Memastikan modal tidak terikat dalam bentuk stok
III Menyimpan stok gerak pantas dalam kuantiti yang sedikit
IV Mengurangkan pembelian stok untuk meningkatkan keuntungan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

18 Siapakah yang mengawal dan menguruskan pentadbiran sebuah syarikat awam berhad?
A Kerajaan
B Orang awam
C Pemegang syer
D Ahli Lembaga Pengarah

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

19 Rajah berikut berkaitan dengan syer keutamaan.



Apakah ciri X?
A Syer ini boleh dibeli semula oleh syarikat pada harga tertentu selepas suatu tempoh masa
B Syer yang akan dibayar dividen semasa dan tunggakan dividen bagi tahun kewangan lepas
C Syer yang akan dibayar pada satu kadar dividen tetap dan dividen tambahan
D Syer keutamaan yang boleh ditukar kepada syer biasa

20 Pada tahun 2008, Encik Haris membeli sebuah pangsapuri berharga RM120,000. Pangsapuri tersebut telah disewakan dengan harga RM600 sebulan selama dua tahun sebelum ianya dijual pada harga RM150,000.

Berapakah keuntungan modal yang Encik Haris peroleh?
A RM14,400
B RM30,000
C RM44,400
D RM150,000

21 Antara berikut, yang manakah merupakan prinsip yang digunakan dalam perkhidmatan pembiayaan oleh sistem perbankan Islam?
I Mudharabah
II Murabahah
III Wadiah
IV Ijarah

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

22 Apakah fungsi Bank Negara Malaysia?
A Bertindak sebagai penanggung jamin dengan membeli baki syer syarikat berhad yang tidak terjual
B Menyediakan perkhidmatan dalam sektor tertentu kepada negara seperti pertanian, perikanan, pembangunan dan penternakan
C Menjadi jurubank dan penasihat kewangan kepada kerajaan dengan mengendalikan semua simpanan dan pembayaran jabatan kerajaan
D Menawarkan perkhidmatan menerima simpanan, kemudahan pembayaran dan pembiayaan kepada orang ramai dan jabatan kerajaan

23 Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak bank sebelum meluluskan sesuatu permohonan pinjaman perniagaan?
A Kemampuan membayar balik pinjaman
B Jumlah pinjaman yang dibuat oleh pemohon
C Bilangan syarikat yang dimiliki oleh pemohon
D Kedudukan modal dan lokasi perniagaan

24 Rajah berikut berkaitan dengan jenis cek.



Apakah X?
A Cek mati
B Cek perintah
C Cek pembawa
D Cek berpalang

25 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faedah skim pajakan?
I Peniaga boleh menggunakan mesin tanpa mengeluarkan modal yang banyak
II Mesin boleh digunakan untuk menjana pendapatan dan membayar sewa
III Mesin akan menjadi milik peniaga setelah tempoh pajakan tamat
IV Peniaga tidak perlu membuat sebarang perjanjian dengan syarikat pajakan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

26 Maklumat berikut berkaitan dengan konsep insurans.

X	Pihak yang menyertai rancangan insurans
Y	Bayaran oleh peserta ke dalam dana insurans

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Insured	Premium
B	Insurer	Premium
C	Insured	Polisi insurans
D	Insurer	Polisi Insurans

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

27 Encik Kamal bekerja sebagai seorang posmen di Pos Malaysia Berhad. Beliau telah mengalami kemalangan semasa menjalankan tugasnya dan menyebabkan beliau tidak dapat bekerja lagi.

Apakah jenis insurans yang boleh dituntut oleh Encik Kamal dari Pos Malaysia Berhad?
A Insurans liabiliti am
B Insurans liabiliti majikan
C Insurans kemalangan peribadi
D Insurans motor komprehensif

28 Apakah perbezaan antara insurans konvensional dengan takaful?

	Insurans konvensional	Takaful
A	Mempunyai unsur gharar dalam perjanjian dan operasi syarikat	Menjelaskan cara sumbangan dikumpulkan dan dilaburkan
B	Membantu insured yang mengalami risiko	Membantu peserta yang ditimpa kesusahan
C	Ganti rugi dibayar mengikut jumlah yang terkumpul	Membayar ganti rugi yang besar dengan premium yang sedikit
D	Pelaburan syarikat insurans tidak dibuat dalam bidang pelaburan yang membayar faedah	Pelaburan syarikat takaful dibuat dalam semua bidang pelaburan yang menjana keuntungan

29 Apakah peranan pengangkutan?
A Melindungi peniaga dari sebarang risiko yang menyebabkan kerugian
B Meluaskan pasaran dan mengalakkan perniagaan antarabangsa
C Menyampaikan maklumat tentang keluaran dengan segera
D Melicin dan mempercepatkan aktiviti perdagangan

30 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah agensi.

- Mendaftar dan melesenkan semua kapal dan bot
- Mewujudkan sistem pelayaran yang efisien

Apakah agensi tersebut?
A Jabatan Laut
B Lembaga Pelabuhan
C Jabatan Pelesenan Perkapalan
D Perbadanan Perkapalan Antarabangsa

31 Apakah kelebihan penggunaan kontena?
I Boleh mengangkut muatan dalam kuantiti yang kecil
II Sesuai untuk mengangkut bahan yang berbentuk cecair
III Selamat kerana peti kontena boleh dikunci
IV Premium insurans yang rendah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32 Encik Ganesan ingin menghantar sijil kelahiran kepada anaknya yang kini berada di Sabah. Apakah perkhidmatan mel yang sesuai digunakan oleh Encik Ganesan bagi menjamin keselamatan dokumen tersebut?
A Aerogram
B Mel terus
C Posdaftar
D Pos ekspres

33 Apakah perkhidmatan yang diperlukan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia untuk mengesahkan kad kredit pelanggan yang membuat tempahan tiket?
A E-mel
B Teleks
C Telegram
D MAYPAC

34 Situasi berikut berkaitan dengan aktiviti sebuah syarikat yang mengimport kereta dari Jepun.

Syarikat Auto Garage mengimport kereta dari Jepun. Kereta yang tiba di pelabuhan akan disimpan di dalam gudang sebelum bayaran cukai dijelaskan.

Apakah jenis gudang yang digunakan oleh syarikat tersebut?
A Gudang awam
B Gudang berbon
C Gudang pengimport
D Gudang persendirian

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

35 Gambar berikut menunjukkan satu media pengiklanan.



Apakah kelebihan menggunakan media tersebut?
A Memerlukan kos pengiklanan yang murah
B Menyampaikan maklumat secara meluas
C Dapat mengiklankan semua jenis produk
D Pelanggan dapat membuat pesanan segera

36 Maklumat berikut berkaitan dengan perundangan perniagaan.

Melindungi kepentingan pihak yang membuat jual beli barangan termasuk pengguna dari segi kesesuaian dan jaminan barang.

Apakah akta tersebut?
A Akta Sewa Beli 1967
B Akta Kawalan Harga 1946
C Akta Jualan Barangan 1957
D Akta Jualan Langsung 1993

37 Apakah fungsi Tribunal Tuntutan Pengguna?
A Menyuarakan pandangan masyarakat dalam konsumerisme
B Memberi pendidikan dan menyebarkan maklumat kepenggunaan
C Mengadili tuntutan pengguna terhadap peniaga yang melakukan penyelewengan
D Membanteras penyelewengan dalam pengedaran dan penjualan barangan keperluan

Soalan 38 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

38 I Semua koperasi runcit ditubuhkan mengikut Akta Koperasi 1993.
II Kuasa mengundi anggota koperasi bergantung kepada jumlah syer yang dimiliki.

39 I Kapal kerentan tidak mempunyai jadual pelayaran yang tetap.
II Kapal kerentan boleh dicarter untuk satu pelayaran.

40 I Taraf perintis merupakan pengecualian cukai selama lima tahun kepada semua syarikat.
II Syarikat yang mempunyai status MSC akan menikmati elaun pelaburan semula selama 15 tahun.

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

Perdagangan *Kertas 2* [3755/2]

Bahagian A
[75 markah]
Jawab tiga soalan sahaja

1 (a) Huraikan Hierarki Keperluan Maslow berikut:
(i) Keperluan sosial [3markah]
(ii) Keperluan rohani [3markah]

(b) Gambar1 berkaitan dengan cabang pengeluaran.



X Y

Gambar 1

Huraikan cabang pengeluaran berikut:
(i) X [3 markah]
(ii) Y [3 markah]

(c) (i) Nyatakan empat faktor pengeluaran. [4 markah]
(ii) Jelaskan empat kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran. [4markah]

(d) Gambar 2 menunjukkan seorang peniaga sedang menggunting rambut pelanggannya.

Gambar 2

(i) Namakan jenis saluran agihan yang terlibat dalam situasi itu. [1 markah]
(ii) Terangkan dua sebab saluran tersebut digunakan. [4 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

2 (a) Terangkan tiga fungsi peruncit dalam saluran agihan. [6 markah]

(b) Gambar 3 ialah iklan komputer riba di sebuah kedai komputer.



KOMPUTER RIBA SONIC QS
TUNAI RM2 800
KREDIT Deposit RM540
Ansuran bulanan RM200 x12

Gambar 3

(i) Hitung jumlah faedah yang perlu dibayar untuk belian secara kredit. [2 markah]
(ii) Berapakah kadar faedah setahun. [1markah]
(iii) Jelaskan dua kelebihan membeli secara tunai. [2 markah]

(c) Gambar 4 menunjukkan suatu bentuk lain peruncitan.



Gambar 4

(i) Namakan bentuk peruncitan tersebut. [1 markah]
(ii) Jelaskan empat kelebihan perniagaan tersebut kepada pengguna. [4 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

(d) Rajah berikut menunjukkan jenis pemborong.



Huraikanjenisejenberikut:

(i) P [3 markah]

(ii) Q [3 markah]

(iii) R [3 markah]

3 (a) Dokumen perniagaan berikut diterima oleh Kedai Buku Harmoni.

ASAL No 3324

INVOIS

Syarikat Percetakan Ilmu Sdn Bhd
110, Jalan Nakhoda
56100 Kuala Lumpur

Tarikh: 15 Mac 2011

Kepada,
Kedai Buku Harmoni
29, Persiaran Putera
41000 Klang

No Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
900	Buku Perdagangan SPM	200 naskah	12.50	2 500.00
				2 500.00
			Tolak: 20% diskaun niaga	500.00
			JUMLAH	2 000.00

Syarat : 5% 10 hari, 3% 30 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K.&K. diK.

Anisa *Kamaludin*
Penerima Pengurus

(i) Jelaskan dua kegunaan dokumen tersebut. [2 markah]

(ii) Hitung jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Buku Harmoni jika bayaran dibuat pada 25 Mac 2011. [4 markah]

(iii) Jelaskan maksud K. & K. diK. [2 markah]

(b) (i) Nyatakan tiga perbezaan bayaran tertunda dengan sewa beli. [6 markah]

(ii) Jelaskan lima faktor dalam pemilihan kaedah jualan. [5 markah]

(c) Terangkan tiga kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengguna. [6 markah]

4 (a) Situasi berikut berkaitan dengan Puan Mariam, seorang pengusaha keropok lekor di Kemaman, Terengganu.

Puan Mariam baru sahaja menerima tempahan daripada sebuah restoran di Kuala Lumpur untuk membekalkan1000 kg keropok lekor setiap bulan. Sebagai sebuah perusahaan yang bertaraf Industri Kecil dan Sederhana(IKS), Puan Mariam menghadapi masalah untuk memenuhi tempahan tersebut.

Terangkan tiga masalah yang berkaitan dengan perusahaan Puan Mariam. [6 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

(b) Rajah berikut menunjukkan perubahan suatu milikan perniagaan.

SYARIKAT RESTU SENDIRIAN BERHAD → SYARIKAT RESTU BERHAD

(i) Nyatakan lima kelebihan milikan perniagaan di atas. [5 markah]
(ii) Jelaskan tiga perbezaan ciri kedua-dua syarikat tersebut. [6 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan Encik Alfian.

> Encik Alfian memiliki 3000 unit 8% syer keutamaan bernilai RM2.00 seunit dan 5000 unit syer biasa bernilai RM1.00 seunit dalam Syarikat Maju Biru Berhad. Syarikat tersebut telah mengisytiharkan pembayaran dividen 9% bagi bagi syer biasa, pada tahun berakhir 31 Disember 2010.

Hitung pendapatan Encik Alfian daripada pelaburan dalam Syarikat Maju Biru Berhad. [4 markah]

(d) Jelaskan empat faktor perlu dipertimbangkan semasa membuat pelaburan. [4 markah]

5 (a) (i) Terangkan tiga peranan bank saudagar. [6 markah]
(ii) Maklumat berikut berkaitan dengan pembayaran menggunakan cek.

> Encik Richard, pemilik Syarikat Pakaian Maju telah menerima sekeping cek yang bertarikh 21 Mac 2011 dari pelanggannya, Encik Mustafa untuk menjelaskan hutang berjumlah RM2150. Encik Mustafa mempunyai akaun semasa di Bank Teguh Berhad, cawangan Bandar Bukit Tinggi. Encik Richard mengarahkan agar cek tersebut dipalangkan dan dimasukkan hanya ke akaun bank syarikatnya di Bank Wawasan Berhad, cawangan Bandar Baru Klang.

Lakarkan cek di atas. [8 markah]

(b) Kenal pasti jenis pengangkutan yang sesuai digunakan dalam setiap situasi di bawah dan kemukakan alasan.

(i) Persatuan Bulan Sabit Merah menghantar ubat-ubatan dan bantuan makanan kepada mangsa tsunami di Jepun. [2 markah]
(ii) Syarikat Maju Palm Oil Berhad ingin mengeksport 50,000 tan metrik minyak kelapa sawit ke Afrika Selatan. [2 markah]
(iii) Syarikat Jati Ku mengimport perabot jati dari Indonesia. [2 markah]

(c) Jelaskan lima ciri gudang yang baik. [5 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

Bahagian B
[25 markah]

Bahagian ini wajib dijawab.

6 Encik Zamri ialah pemilik Pasar Mini Berkat di Taman Seri Kota. Pasar mini tersebut beroperasi dengan menyewa sebuah bangunan kedai sejak lima tahun yang lalu. Encik Zamri mempunyai 5 orang pekerja tetap yang terdiri daripada 3 orang juruwang, seorang kerani stor dan seorang kerani kewangan. Sebahagian besar urus niaga pasar mini tersebut adalah secara tunai.

Memandangkan perniagaan pasar mini tersebut semakin maju, Encik Zamri bercadang untuk membesarkan perniagaannya dengan membeli dua buah kedai yang terletak bersebelahan dengan pasar mini tersebut. Oleh kerana kekurangan modal, Encik Zamri telah menghubungi pihak bank untuk mendapatkan kemudahan pinjaman untuk membeli kedai-kedai tersebut. Pihak bank meminta agar Encik Zamri mengemukakan penyata kewangan perniagaan pasar mini tersebut.

Sejak akhir-akhir ini, Encik Zamri mendapati wang jualan agak merosot sedangkan stok yang disimpan di kedai sering kehabisan. Setelah membuat siasatan, beliau mendapati salah seorang juruwang sering tidak memasukkan hasil jualan ke dalam mesin pendaftaran tunai, sebaliknya menggunakan wang tersebut untuk membayar pembekal yang membekalkan barang secara tunai. Kekurangan stok juga berlaku kerana kerani stor sering lewat membuat pesanan dan tidak merekodkan stok yang dihantar oleh pembekal.

Untuk melindungi perniagaannya daripada kerugian akibat penyelewengan dan kehilangan stok, Encik Zamri telah menghubungi syarikat insurans untuk mendapatkan polisi yang sesuai. Selain itu, baru-baru ini juga, seorang pelanggan telah mengadu bahawa barang yang dibeli didapati telah tamat tarikh luput. Encik Zamri berjanji untuk membayar ganti rugi kepada pelanggan tersebut disamping memastikan kerani stornya menjalankan tugas dengan lebih cekap. Untuk mengembalikan kepercayaan pelanggan Encik Zamri berhasrat untuk mengadakan promosi.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

(i) Jelaskan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan permohonan pinjaman yang dibuat oleh Encik Zamri. [4 markah]

(ii) Terangkan dua jenis insurans yang sesuai diambil oleh Encik Zamri untuk melindungi perniagaannya daripada mengalami kerugian. [4 markah]

(iii) Jelaskan aspek yang perlu diambil oleh peniaga dalam perkara berikut:
(a) pengurusan stok [5 markah]
(b) pengurusan kewangan [3 markah]

(iv) Huraikan tanggungjawab penjual terhadap pelanggan. [3 markah]

(v) Huraikan dua jenis promosi yang sesuai dijalankan oleh Pasar Mini Berkat. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

afterschool HIGHER EDUCATION ADVISOR .my
SPM Revision Questions
Courses to Consider
Choosing Universities and Colleges
Tips from current Students
Applying for Scholarships
Explaination on Courses

Jawapan
Perdagangan

Perdagangan *Paper 1*

No	Ans	No	Ans	No	Ans	No	Ans	No	Ans
1	B	11	C	21	C	31	D	41	
2	D	12	A	22	C	32	C	42	
3	A	13	C	23	A	33	D	43	
4	C	14	C	24	D	34	B	44	
5	B	15	D	25	A	35	B	45	
6	A	16	C	26	A	36	C	46	
7	B	17	A	27	A	37	C	47	
8	D	18	D	28	A	38	A	48	
9	B	19	A	29	B	39	C	49	
10	B	20	B	30	A	40	D	50	

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

Perdagangan ***Paper 2***

No		Fakta/Huraian
1	(a)	(i) - terdiri daripada keperluan kasih sayang - iaitu keinginan manusia agar dirinya disayangi/diterima oleh komunitinya - dan keperluan penghargaan - iaitu keinginan mendapt pengiktirafan daripada orang lain atas pencapaiannya (ii) - keinginan seseorang untuk memenuhi hasrat diri, mencapai cita-cita dan memajukan diri - mendorong untuk berusaha untuk mencapai kejayaan dalam bidang tertentu sesuai dengan minat/kebolehan - pelajar berjaya menerima ijazah
	(b)	(i) X ialah industri perkilangan - meliputi semua aktiviti memproses bahan mentah menjadi barang separuh siap dan barang siap - barang separa siap memerlukan proses lanjutan/digunakan untuk menghasilkan barang siap - barang siap ialah barang yang boleh digunakan terus oleh penggunaakhir (ii) Y ialah industri pembinaan - merangkumi semua aktiviti pemasangan, pembinaan dan pengubahsuaian dengan menggunakan barang separa siap/barang siap - contoh pembinaan jambatan/bangunan/pemasangan kereta
	(c)	(i) Tanah, buruh, modal, usahawan (ii) - kecekapan/kemahiran pekerja meningkat keranan pengulangan kerja - daya pengeluaran/kualiti produk meningkat - masa / kos latihan pekerja disingkatkan kerana pekeja dilatih dalam bidang tertentu sahaja - membolehkan penggunaan mesin - menggalakkan pengeluaran besar-besaran - firma menikmati ekonomi bidangan/ kos pengeluaran seunit berkurang - pekerja boleh mengkhusus dalam bidang yang sesuai dengan minat/bakat - mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan
	(d)	(i) Pengeluar pengguna (ii) - merupakan suatu perkhidmatan - perlu disalurkan terus kepada pengguna - menepati sasaran pengguna - mengikut arahan pengguna

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

2	(a)	Fungsi peruncit dalam saluran agihan - Memecah pukal Membeli secara pukal daripada pemborong dan menjual dalam kuantiti kecil kepada pengguna akhir - Menjual pelbagai jenis barang Memudahkan pelanggan membuat pilihan dan membeli pelbagai barang keperluan yang dikehendaki - Menyediakan kemudahan kredit Membolehkan pelanggan mengambil barang dahulu dan membayar kemudian - Perkhidmatan selepas jualan Menghantar barang ke rumah pelanggan - Memberi khidmat nasihat dan menyampaikan maklumat Menyampaikan maklumat penting tentang cita rasa dan sambutan pengguna terhadap sesuatu produk - Mendirikan premis perniagaan berhampiran pelanggan Mudah dikunjungi oleh pelanggan - Mengurus stok Memastikan bekalan sentiasa mencukupi - Melakukan kerja-kerja akhir Menggred, menimbang, membungkus dan meletakkan tanda harga sebelum menjual barang mengikut keperluan pengguna - Mengagihkan barang-barang Berperanan sebagai orang tengah antara pengguna dengan pemborong
	(b)	(i) Harga belian kredit= RM540 + (RM200x12bulan) =RM2,940.00 Jumlah faedah = RM2940 – RM2800 = 140 (ii) Kadar faedah setahun= 140/2800 x 100 = 5% (iii) - pembeli dapat terus menggunakan barang setelah menjelaskan bayaran - dapat membeli dengan harga yang lebih murah - memupuk sifat jimat cermat
	(c)	(i) Mesin peruncitan automatik (ii) - memberi perkhidmatan 24 jam/ amat mudah - tiada caj tambahan/ harga tetap - cara pembelian mudah/ bebas kerana tiada gangguan jurujual - jimat kos/masa/tenaga kerana tidak perlu mengunjungi kedai untuk membeli barang
	(d)	(i) P ialah Ejen pengeluar - Wakil pengedar yang dilantik oleh beberapa pengeluar yang bukan pesaing - Tidak berhak menentukan strategi pemasaran bagi pihak pengeluar (ii)Q - Ejen Penjual - Berkhidmat memasarkan barang keluaran pengeluar kecil-kecilan yang tidak memiliki kepakaran dalam bidang pemasaran - menjadi perancang pemasaran yang menjalankan aktiviti penyelidikan (iii) R – Broker - Pihak yang menemukan penjual dengan pembeli - dilantik oleh pengeluar untuk mengendalikan urusan jual beli - tidak mempunyai hak milik ke atas barang/ tidak boleh menjual beli barang atas namanya - menerima komisen sebagai ganjaran

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

3 (a)

(i) - dokumen yang dihantar oelh penjual kepada pembeli dalam urus niaga secara kredit
- menyenaraikan semua barang yang telah dibeli oleh pembeli
- menunjukkan jumlah hutang yang perlu dijelaskan

(ii) Jumlah yang perlu dijelaskan pada 25 Mac 2011
Jumlah yang perlu dibayar = RM2000.00
Tolak : Diskaun tunai 5% = 100.00
Jumlah yang perlu dijelaskan= RM1900.00

(iii) - K dan K di K bermaksud Kesilapan dan Ketinggalan diKecualikan
- penjual boleh meminda maklumat dalam dokumen jika terdapat kesilapan atau ketinggalan

(b)

Bayaran tertunda	Sewa beli
1. sesuai untuk barang yang nilai jualan semula rendah	1. sesuai untuk barang yang nilai jualan semula tinggi
2. barang menjadi hak milik pembeli sebaik sahaja deposit dibayar	2. barang menjadi hak milik pembeli setelah semua ansuran dijelaskan
3. barang tidak boleh ditarik balik jika pembeli gagal menjelaskan ansuran/ dakwa di mahkamah	3. barang boleh ditarik balik jika pembeli gagal menjelaskan ansuran

(c)

Faktor pemilihan kaedah jualan;
- Jenis barang/ barang mudah rosak sesuai dijual secara tunai
- Aliran tunai/ jualan kredit berlebihan mengurangkan aliran tunai peniaga
- Persaingan/ peniaga perlu mendahului pesaing untuk merebut peluang
- Kemampuan pembeli/ barang murah sesuai jualan tunai manakala barang mahal sesuai jualan kredit
- Kemudahan pembayaran/ jualan secara ansuran sesuai kepada pembeli yang bergaji tetap
- Saiz pasaran/ barang yang dipasarkan secara meluas dan tidak mahal sesuai dijual secara tunai/ penjual tidak terikat dengan butang lapuk
- Peraturan dan undang-undang/ untuk melindungi penjual dan pembeli/ Akta Sewa Beli 1967 mengawal jualan secara sewa beli

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

4 (a)

- masalah modal dan pembiayaan
  modal pengusaha IKS kurang cair kerana terikat dalam bentuk mesin, peralatan dan bahan mentah
- produktiviti dan teknologi rendah
  masalah tenaga buruh mahir/ menyukarkan proses pengeluaran
- kekurangan bahan mentah
  bahan mentah tidak mencukupi/ harga lebih mahal kerana bersaing dengan firma besar yang bayar secara tunai
- masalah pengurusan
  pengurusan tidak cekap/taraf pendidikan rendah/ kurang terdedah dengan prinsip pengurusan moden/ teknologi rendah

(b) (i) Kelebihan syarikat berhad:

- Modal yang besar kerana modal dikumpul melalui terbitan syer
- Menikmati ekonomi bidangan menyebabkan penjimatan kos
- Pemilik menanggung liabiliti terhad iaitu setakat jumlah modal yang dilaburkan
- Kewujudan kekal kerana perniagaan merupakan entiti yang berasingan daripada pemilik
- Pengurusan diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan kakitangan profesional

(ii) Perbezaan syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad

S

yarikat sendirian berhad	Syarikat awam berhad
Syer dijual kepada orang persendirian yang dikenali sahaja	Syer dijual kepada orang awam di bursa saham
Bilangan pemilik 2-50 orang	Bilangan pemilik 2 hingga tiada had
Penyata kewangan dirahsiakan	Penyata kewangan perlu diumumkan
Nama mesti disertakan perkataan Sdn Bhd	Nama mesti disertakan perkataan Berhad

(c) Pendapatan daripada pelaburan:

Dividen syer keutamaan= 8% x (RM2 x 3000syer) = RM480
Dividen syer biasa = 9% x (RM1 x 5000syer) = RM450
Jumlah pendapatan = RM930

(d) Faktor dipertimbangkan semasa membuat pelaburan:

- Mendapatkan maklumat lengkap berkaitan bidang yang ingin diceburi
- Mengetahui pulangan atas modal seperti kadar faedah/dividen/keunutngan modal
- Memilih risiko bersesuaian dengan keselamatan modal/ risiko rendah seperti Simpanan Tetap/risiko tinggi seperti membeli syer di Bursa Malaysia
- Modal kecil – simpan di bank/ modal besar melabur dalam pelaburan yang lebih mencabar
- Tahap kecairan pelaburan/ mudah ditukar kepada wang tunai/ simpanan di bank paling cair/membeli hartanah paling tidak mudah cair

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

5 (a)

(i) Peranan bank saudagar:
- Menerima simpanan

Simpanan dalam jumlah yang besar dibuat oleh syarikat besar/ badan berkanun
- Memberi pinjaman

Kepada institusi perniagaan yang besar/badan berkanun untuk jangka masa pendek atau jangka masa panjang- untuk mendirikan kilang/membeli mesin
- Memberikan khidmat nasihat kepada syarikat

Berkaitan penggabungan/pembelian syarikat lain/penyusunan semula modal
- Mengurus pelaburan

Memilih jenis pelaburan yang memberi keuntungan kepada syarikat
- Menanggungjamin terbitan syer

Membeli baki syer syarikat berhad yang tidak terjual

(ii) Lakaran cek

Bank Wawasan Berhad
Bandar Baru Klang

Bank Teguh Berhad
Bandar Bukit Tinggi Tarikh: 21.03.2011

Bayar : Syarikat Pakaian Maju atau Pembawa
Ringgit: Dua Ribu Seratus Lima Puluh Sahaja RM2150

Mustafa

332201(No cek) 112334409000 (No akaun bank)

(b)

(i) Kapal terbang
Bantuan diperlukan segera/ kesegeraan/jimat masa walaupun mahal

(ii) Kapal kargo khas/kapal tangki
Boleh memuatkan minyak kelapa sawit dalam tangki khas/ jimat kos

(iii) Kapal kontena
Perabot jati boleh dimuatkan dalam kontena sebagai satu unit/ selamat kerana boleh dikunci/ jimat kos

(c)

Ciri gudang yang baik
- Lokasi yang sesuai dan strategik seperti di pelabuhan/lapangan terbang/stesen kereta api/mempunyai kemudahan infrastruktur
- Mempunyai ciri keselamatan yang baik untuk mengelakkan kecurian/ kebakaran/kerosakan/kehilangan dengan menyediakan pengawal keselamatan terlatih/sistem penggera/pemadam api/insurans
- Kesesuaian gudang dengan barang yang disimpan/ gudang dingin beku untuk menyimpan barang mudah rosak/ tidak tahan lama
- Ruang gudang yang luas dan teratur supaya barang dapat disusun dengan kemas dan rapi mengikut jenis dan kuantitinya
- Pengurusan yang cekap dan sistem perekodan yang teratur/ mengamalkan pengkhususan
- Dilengkapi jentera dan peralatan yang moden dan canggih bagi membolehkan kerja punggah-memunggah/ menyusun

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

6	(a)	Faktor yang dipertimbangkan untuk meluluskan pinjaman -Tujuan pinjaman yang dipohon hendaklah sesuai dengan syarat yang ditetapkanoleh bank - Kedudukan kewangan pemohon dinilai berdasarkan aliran tunai pemohon/latar belakang pemohon - Nilai aset yang dicagarkan hendaklah lebih tinggi daripada amaun yang dipinjam - Dasar bank pusat iaitu keutamaan pinjaman kepada pengusaha IKS
	(b)	Insurans yang sesuai: - Insurans kecurian – untuk melindungi stok daripada kecurian - Insurans jaminan setia – melindungi daripada ketidak jujuran pekerja
	(c)	(i) Pengurusan stok - Mendapatkan bekalan stok pada syarat yang paling baik/ dari segi harga/ kualiti/ perkhidmatan/syarat kredit - Memeriksa stok untuk mencegah kerosakan/kecurian/ bekalan sentiasa mencukupi - Merekod stok dengan tepat dan terperinci dalam buku rekod stok/komputer - Menyimpan dan mengawal stok di dalam gudang/stor yang selamat/terlindung/ dalam kuantiti optimum/ modal tidak terikat dalam bentuk stok - Barang disusun rapi dan menarik agar mudah dicari/selamat/kemas/ada label (ii) Pengurusan kewangan - Menyimpan rekod perakaunan bagi menentukan prestasi dan kedudukan kewangan perniagaan - Menganalisis prestasi perniagaan melalui untung kasar atau untung bersih - Mengambil tindakan susulan dengan mengenal pasti kelemahan / ketidakcekapan dalam pengurusan/mengawal perbelanjaan/ mengurangkan pembaziran Tanggungjawab penjual terhadap pelanggan: - Menyediakan barang dan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan - Tidak menjual barang berkualiti rendah/tiruan/membahayakan kesihatan pengguna/tamat tarikh luput - Menjual mengikut timbangan/ukuran/sukatan yang betul
	(d)	Jenis promosi: - Pengiklanan Jenis promosi yang paling berkesan dan digunakan secara meluas untuk mempromosikan pelbagai jenis barang dan perkhidmatan Menggunakan media pengiklanan yang sesuai seperti papan tanda/risalah/ murah Dapat mempengaruhi pelanggan untuk membeli di Pasar Mini tersebut
	(e)	- Promosi jualan Kaedah yang digunakan untuk menambah jualan Menggalakkan orang ramai datang ke pasar mini untuk membeli barang yang dipromosikan Dijalankan untuk satu tempoh tertentu seperti musim perayaan Memberi sampel percuma/ potongan harga/kupon istimewa dll

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my